

## **MCA Klang Tutup Pusat Khidmat Rakyat Kerana Kecewa Tak Dapat Sokongan Pengundi Cina**

**Bernama**

**7 Mei, 2013**

**Oleh: Fadzillah Aishah Ismail**

KLANG, 7 Mei (Bernama) -- MCA Bahagian Klang hari ini mengumumkan penutupan pusat khidmat rakyatnya di Kampung Baru Pandamaran di sini, berkuat kuasa serta merta kerana kecewa dengan pengundi kaum Cina yang tidak lagi memberi sokongan kepada parti itu, khususnya di kawasan Parlimen Klang.

Pengerusinya Datuk Teh Kim Poo berkata keputusan untuk menutup pusat khidmat rakyat itu, yang beroperasi sejak lima tahun lepas, juga berpunca daripada faktor kewangan berikutan pihaknya tidak lagi mampu menanggung kos pengurusan.

Beliau berkata ini kerana, kos pengurusan pusat khidmat yang diwujudkan untuk membantu rakyat di daerah itu, dibiayai menggunakan perbelanjaan MCA bahagian itu sendiri.

"Kita (MCA Bahagian Klang) melihat keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) terutama di kerusi Parlimen Klang dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) ini, para pengundi tidak menerima perkhidmatan kita dan tidak memilih kita ketika mengundi.

"Selain itu, kita cukup kesal dengan keputusan tersebut kerana calon DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang bertanding di kawasan Klang mereka turun ke kawasan ini hanya dua minggu sahaja tetapi boleh menang," katanya dalam sidang media di sini Selasa.

Teh berkata keadaan adalah berbeza bagi calon Barisan Nasional (BN) seperti beliau sendiri yang bertanding di kerusi Parlimen Klang, Datuk Nasarruddin M Zin yang bertanding bagi kerusi DUN Pelabuhan Klang dan Ching Eu Boon bagi kerusi DUN Pandamaran, yang telah banyak memberi khidmat bagi membantu menyelesaikan masalah rakyat di daerah itu sepanjang lima tahun ini.

Beliau turut mengumumkan peletakan jawatan 15 anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Baru Pandamaran berkuat kuasa serta merta.

Sementara itu, Teh meminta Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek supaya tidak meletak jawatan dan kekal memimpin MCA sehingga pemilihan parti akan datang.

"Stabilkan parti terlebih dahulu sebelum ambil tindakan meletak jawatan atau tidak bertanding pada pemilihan parti nanti," katanya.

Beliau turut menasihatkan semua pemimpin dan anggota MCA supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh mengeruhkan lagi keadaan selain merosakkan imej parti.

Pada PRU13, Teh yang bertanding bagi kerusi Parlimen Klang tewas kepada calon dari DAP, Charles Anthony R. Santiago dengan majoriti 24,685 undi sementara Ching yang bertanding bagi kerusi DUN Pandamaran tewas kepada calon DAP, Tan Pok Shyong dengan majoriti 9,176 undi.

Nasarruddin pula yang bertanding bagi kerusi DUN Pelabuhan Klang tewas kepada calon PKR, Abdul Khalid Ibrahim dengan majoriti 2,994 undi.

Seorang lagi calon BN, Maglin Dennis D' Cruz yang bertanding di kerusi DUN Kota Alam Shah tewas kepada calon dari DAP, V. Ganabatirau dengan majoriti 13,369 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948109>